

## PRAKTIS PENGUKUHAN PERIBAHASA

*Disediakan oleh Cikgu Rozita*

Baca ayat-ayat di bawah dengan teliti, kemudian nyatakan **peribahasa** yang sesuai dengan maksud petikan tersebut. [ 20 markah]

BIL	SOALAN	JAWAPAN
1	Encik Taufikul membuka akaun simpanan untuk anak-anaknya dan menyimpan secara tetap setiap bulan ke dalam buku akaun tersebut agar dapat digunakan oleh anaknya pada masa hadapan.	
2	Zaman pendudukan Jepun amat menyusahkan rakyat kerana rakyat sering tidak cukup makan. Ramai rakyat hidup dalam keadaan yang sangat daif.	
3	Walaupun ketua kelas kami tahu bahawa Cikgu Rode tidak hadir ke sekolah pada hari itu, dia masih pergi ke pejabat sekolah untuk bertanya kehadiran guru tersebut.	
4	Zahari yang berpangkat kecil itu selalu berlagak seperti orang yang berkedudukan sehingga tidak disenangi oleh rakan-rakan sepejabatnya.	
5	Farhan tahu bahawa dia mesti menjaga tutur katanya kerana jikalau dia tersilap melafazkan kata-kata, bukan sahaja dia tidak mungkin dimaafkan, malah mungkin akan ditimpa musibah.	
6	Julia nampak akan kesalahan yang dilakukan oleh rakan semakmalnya, tetapi kesalahan besar yang dilakukannya sewaktu menjalankan uji kaji tersebut tidak disedarinya.	
7	Oleh sebab Farah pernah tertipu semasa membeli rumah di Kuala Lumpur, kini dia lebih berhati-hati apabila ditawarkan membeli rumah di Putrajaya.	
8	Pada zaman kemelesetan ekonomi, kita perlu bijak merancang perbelanjaan agar tidak menyesal pada kemudian hari.	
9	Kakak sangat kecewa dengan tindakan tunangnya yang keluar dengan gadis lain.	
10	Murid-murid itu dinasihati supaya mencontohi murid-murid yang berdisiplin dan bukannya mereka yang terbabit dengan kes disiplin.	
11	Keluarga tersebut amat berterima kasih atas sumbangan yang diberikan oleh orang ramai bagi meringankan beban kemiskinan mereka.	
12	Sikap suka mengambil tahu akan hal orang lain perlu dihindari kerana perbuatan tersebut boleh menyebabkan pergaduhan sesama jiran tetangga.	
13	Tuan Rafawi tidak menyangka pengurus syarikatnya yang menjadi orang kanannya telah menggelapkan sejumlah besar wang syarikatnya untuk kepentingan peribadi.	

14	Amelia sangat gembira apabila suaminya menghadiahkannya seutas rantai emas yang sudah lama diidam-idamnya.	
15	Ketika abang sedang marah, adik berdiam diri sahaja dan tidak berani bersuara kerana adik tahu keadaan akan menjadi bertambah panas jika dia bersuara.	
16	Kejayaan negara dalam pelbagai bidang pada hari ini disebabkan wujudnya semangat kerjasama antara kaum. Keadaan ini tidak akan tercapai jika rakyat tidak bekerjasama dan mementingkan diri sendiri.	
17	Hasil usaha Datuk Aliff yang bertahun-tahun itu musnah akibat sikap tamak halobanya apabila beliau disabitkan dengan kesalahan menerima rasuah.	
18	Pada peringkat awal bekerja sebagai jururawat, Encik Farhan berasa kekok, tetapi lama-kelamaan pekerjaan tersebut sudah sehati dalam jiwanya.	
19	Orang yang miskin, tetapi mengada-ngada setelah mendapat kedudukan atau pangkat	
20	Kehidupan lelaki itu sangat susah. Dia bekerja kuat untuk menyara keluarganya. Isterinya pula mengambil upah membasuh dan melipat baju jiran tetangga untuk membantu menambahkan pendapatan mereka.	

#### PILIHAN JAWAPAN

Kuman di seberang laut nampak, gajah di depan mata tak nampak	Yang baik jadikan teladan, yang buruk jadikan sempadan
ingat sebelum kena, jimat sebelum habis	Kais pagi makan pagi, kais petang makan petang
sudah gaharu cendana pula, sudah tahu bertanya pula	Pisang tidak akan berbuah dua kali
sediakan payung sebelum hujan	seperti cacing hendak menjadi naga
bagai kaca terhempas ke batu	Jerat tidak lupakan pelanduk
Bagai enau dalam belukar, melepaskan pucuk masing-masing	Kerana pulut santan binasa, kerana mulut badan binasa
Sarang tebuan jangan dijolok	Panas setahun dihapuskan oleh hujan sehari
Alah bisa tegal biasa	Menjaga tepi kain orang
Melentur dahan dek meluyut buahnya	Melilit dahulu kemudian memanjat
Orang mengantuk disorongkan bantal	Kecil tapak tangan nyiru ditadahkan
Harapkan pagar, pagar makan padi	Bagai kaduk naik junjung

